

Minda Pengarang

Usah harap pihak berwajib sahaja banteras aedes

Peningkatan ketara sekurang-kurangnya 100 kes baru demam denggi setiap minggu yang dicatatkan di seluruh negara pada masa ini menunjukkan kita kini berada dalam situasi yang sangat membimbangkan dan langkah pencegahan proaktif segera perlu diambil semua pihak bagi memastikan wabak ini dapat dikekang sepenuhnya. Melihat kepada statistik Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sebanyak 28,122 kes dicatatkan dari 3 Januari hingga 5 Mac lalu dengan 62 kematian. Ia adalah angka yang sangat besar dan semua pihak tidak lagi boleh berpeluk tubuh dan membiarkan hanya kerajaan melalui Kementerian Kesihatan (KKM) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang menjalankan tugas. Justeru, sampai masanya pihak berwajib bertindak tegas terhadap pemilik premis yang dikesan membiarkan persekitaran mereka menjadi tempat pembiakan nyamuk yang mengancam nyawa ini. Jika sebelum ini hanya kompaun dikenakan, tindakan lebih berat, mungkin berupa pendakwaan yang boleh membawa kepada hukuman penjara perlu difikirkan bagi memastikan semua pihak lebih bertanggungjawab. Pada masa sama, kita juga mengharapkan pengerusi persatuan penduduk dan pemimpin masyarakat serta pentadbiran sekolah mengambil inisiatif memastikan penduduk yang berada dalam kawasan mereka mengadakan melakukan kerja pembersihan yang lebih kerap. Jika sebelum ini kerja gotong-royong dilakukan apabila ada kes, namun kali ini kekerapannya ditingkatkan yang mungkin dua minggu sekali atau sebulan sekali.

Bagi pemilik kediaman pula, jangan hanya memandang jiran membersihkan persekitarannya dan mereka hanya menjadi penonton. Sebaliknya semua pihak harus melaksanakan tanggungjawab ini kerana nyamuk aedes tidak mengenal siapa mangsanya. Namun, dalam memperkatakan situasi denggi pada masa ini, apa yang berlaku juga boleh dikaitkan dengan fenomena El Nino yang melanda beberapa kawasan di seluruh dunia dengan Malaysia adalah antara negara yang terkesan. Kajian antarabangsa menunjukkan fenomena ini memungkinkan wabak denggi di Asia Tenggara meningkat. Penolong Profesor dalam bidang epidemiologi di University of Pittsburgh Graduate School of Public Health, Willem van Panhuis, berkata analisis mendapati, peningkatan suhu boleh menyumbang kepada masalah ini. Jika kita melihat kepada situasi denggi di negara jiran, di Filipina, bagi tahun lalu, sehingga 30 Mei 2015, sebanyak 28,600 kes direkodkan dengan 86 kematian dicatatkan, peningkatan 6.33 peratus bagi tempoh sama tahun sebelumnya. Di Thailand, statistik tahun lalu, sehingga November 2015 sebanyak 123,168 kes dicatatkan dengan 116 kematian yang disifatkan sebagai tahun paling teruk bagi tempoh 20 tahun. Di Vietnam pula, sehingga 7 Jun 2015, sebanyak 13,049 kes dicatatkan membabitkan 12 kematian sementara di Singapura sehingga 3 Julai sebanyak 4,292 kes dicatatkan. Bagi Singapura angka berkenaan menunjukkan penurunan 45 peratus berbanding tahun sebelumnya. Semua ini menunjukkan, selain Malaysia, denggi juga adalah ancaman terbesar di Asia Tenggara. Oleh itu, ia memerlukan pengemblengan tenaga setiap peringkat anggota masyarakat untuk menanganinya.

Cakap-Cakap

Animasi *BoBoiBoy: The Movie* raih RM3.2 juta bagi empat hari tayangan mulai Khamis lalu, dengan jualan tiket hari pertama mencecah RM500,000.

Mamat - filem tempatan pun bermutu



PROF EMERITUS
IBRAHIM KOMOO

SIDANG
REDAKSI

Pengarang Unsur
Kumpulan NSTP
Datuk Abdul Jalil Hamid
jalil@nsh.com.my

Pengarang
Kumpulan Bii
Datuk Mahfar Ali
mahfar@bii.com.my

Timbalan Pengarang
Kumpulan BH
Datuk Badrudzaman
Othman
badrud@bh.com.my

Pengarang Eksekutif
Pengurusan Peretakan & Digital
Razli Safer
razli@psh.com.my

Pengarang Eksekutif
Berita/Rencana/Digital
Ahmad Zaini
zaini@psh.com.my

BH
diterbitkan oleh The New
Straits Times Press (M) Bhd,
11, Jalan Riong,
59100, Kuala Lumpur,
Tel: 1-300-22-4197
Faks: 03 20607081
Laman Web:
www.bharian.com.my
E-mel:
bhrencana@psh.com.my

Yakini kemampuan bahasa Melayu dalam pendidikan STEM

Saintis kita kena contohi negara maju guna bahasa ibunda jayakan agenda keilmuan

Polemik mengenai apakah pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) perlu guna bahasa Inggeris atau mengekalkan dalam bahasa Melayu seperti tidak berkesudahan. Terakhir, ahli Sains Kejuruteraan terkemuka negara, Prof Datuk Dr Wan Ramli Wan Daud menyatakan beliau mendidik ratusan pelajar PhD dalam bahasa Melayu.

Beliau bersama seorang pelajarnya kini diiktiraf masyarakat global sebagai malim sarjana berminda sains paling berpengaruh di dunia. Premis tulisan ini ialah usah dipersoalkan lagi keperluan untuk belajar dan menguasai bahasa Inggeris iaitu bahasa global yang sangat berpengaruh. Begitu juga, kepentingan masyarakat kita untuk menguasai lebih dua bahasa berpengaruh dunia.

Warga global bersetuju dengan premis ini. Mereka sentiasa berusaha meningkatkan keupayaan berbahasa melalui pelbagai program pendidikan bahasa dan pendedahan berkomunikasi secara meluas. Mari kita bincang mengenai sistem pendidikan negara, khususnya STEM secara rasional dan dalam konteks pembangunan serta membina tamadun Malaysia.

Berasaskan Perlembagaan, kita memulakan sistem pendidikan kebangsaan dengan menggunakan bahasa Melayu sejak merdeka. Kemuncak pelaksanaan ialah apabila universiti tempatan mula menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan tinggi pada awal 1970-an. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan untuk memenuhi dasar dan tuntutan ini. Kini tiada siapa dapat nafikan UKM antara universiti awam terunggul negara dan dihormati di persada dunia.

Pada masa ini Malaysia memiliki ratusan ribu bakat akademik, saintis, profesional dan pengurus yang berjaya dididik menggunakan bahasa Melayu. Dalam dunia akademik umpamanya, ribuan profesor dan puluhan ribu ahli akademik berkelulusan PhD berjaya dibangunkan melalui sistem pendidikan kebangsaan. Kebanyakan mereka sebaik sahaja selesai belajar di tanah air, melanjutkan pendidikan tinggi di negara berbahasa Inggeris dan berjaya dengan cemerlang.

Diiktiraf pada peringkat global

Merekalah juga yang menerbitkan pemikiran intelek dalam jurnal berimpak tinggi, mengharumkan nama negara dan dihormati pada peringkat global.

Dalam polemik terbaru, ramai ahli sains terdahulu yang dididik menggunakan bahasa Inggeris berhujah, sekiranya ahli sains kita fasih dalam bahasa Inggeris, mereka akan terdedah dengan pelbagai sumber penulisan sains untuk kecemerlangan kerjaya. Bayangkan, jika mereka menulis dalam jurnal berimpak tinggi dan dijemput menyampaikan pandangan pada persidangan antarabangsa, apakah mereka tidak mampu membaca bahan berbahasa Inggeris? Atau maksud golongan ini, ahli sains kita kurang mampu bertutur seperti anak watan berbahasa Inggeris.

Dalam kerjaya sebagai ahli akademik, saya diundang untuk berkongsi pemikiran dan

ilmu di banyak negara maju, termasuk Jerman, Perancis, China, Jepun, Korea Selatan, Sepanyol dan Portugal. Semua negara ini menggunakan bahasa ibunda dalam menayakan agenda pendidikan negara. Semua media komunikasi nasional termasuk, seminar dan persidangan, penulisan laporan dan tesis, serta penerbitan ilmiah dalam bahasa sendiri. Hanya apabila mereka berkomunikasi pada peringkat antarabangsa mereka menggunakan bahasa global.

Pengaruh bahasa penjajah menebal

Saya tertanya-tanya, mengapa ahli sains berpengaruh, sebahagiannya berbangsa Melayu ini berfikiran hanya pendidikan STEM dalam bahasa Inggeris boleh membawa negara ke tahap kemajuan tinggi. Saya baru dapat jawapan, mereka sebenarnya dididik dalam bahasa Inggeris dan tidak pernah terdedah dengan STEM berbahasa Melayu! Nostalgia bahasa penjajah masih menebal dan sukar terhakis. Saya juga suatu ketika dahulu, meragui pendidikan STEM dalam bahasa Mandarin, Jepun dan Korea, hanya kerana terdedah dengan pendidikan STEM dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

Kemajuan sesuatu bangsa bukan ditentukan oleh bahasa pendidikan STEM, tetapi berkait rapat dengan sejarah dan budaya sesuatu bangsa. Malaysia masih muda dan terdiri daripada masyarakat didominasi oleh Melayu, Cina dan India. Sejarah dan kontrak sosial menetap satu kesepakatan, bahasa Melayu dijadikan Bahasa Kebangsaan.

Kita bergerak sejak selepas merdeka, menjadikan bahasa Melayu bahasa komunikasi untuk perpaduan kaum, bahasa pendidikan kebangsaan dan bahasa ilmu tinggi. Kini bahasa Melayu telah mantap, boleh duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan bahasa terkemuka dunia.

Bagi warga yang mencintai negaranya, menggunakan bahasa Malaysia adalah suatu tanggungjawab moral dan sosial. Saintis perlu terus beriltizam memperkasa bahasa Melayu STEM sebagai bahasa pendidikan dan ilmu tinggi. Memandangkan semua warga Malaysia boleh membaca dan bertutur dalam bahasa kebangsaan, tuntutan Perlembagaan hanya berkaitan penggunaan dalam negara. Kita hanya perlu mantapkan penyampaian lisan dan tulisan saintifik apabila berkomunikasi sesama kita.

Tulislah kertas ilmiah dalam bahasa Inggeris, Jepun, Mandarin atau Jerman di arena antarabangsa. Negara telah mulakan pembangunan dan pemerikasaan bahasa Melayu STEM sejak 60 tahun lalu. Terbukti, bahasa Melayu ilmu tinggi berjaya digunakan untuk semua bidang ilmu. Hampir semua warga terpelajar berupaya menggunakan dalam kerjayanya. Marilah kita bersatu hati, dengan keyakinan membatu dan iltizam mengunung, menjadikan bahasa Melayu bahasa ilmu bagi membina bangsa bertamadun.

Penulis

ialah Felo Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI) UKM dan Ahli Jawatankuasa Tetap Bahasa Melayu Malaysia

